

MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA DIGITAL PERAK DAN NITYO INFOTECH SERVICES

PEMETERAIAN MoU MEMBENTUK JALINAN KERJASAMA UNTUK MENARIK MINAT PKS PERAK SERTAI PLATFORM DAN INISIATIF e-DAGANG

IPOH, NOVEMBER 17, 2023 – Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dengan Nityo Infotech Services Sdn. Bhd. (Nityo) telah berlangsung di Hotel Casuarina@Meru, petang ini.

Upacara ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir bersama-sama *Country Head Nityo*, Rajasekhar Gummadi dan disaksikan oleh Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad serta Pengurus Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi. Tetamu kehormat yang turut bersama menyaksikan pertukaran MoU ini adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Perak YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Pegawai Kewangan Negeri Perak YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK) YBhg. Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Melalui MoU ini, pihak Nityo dan Digital Perak akan mentransformasi aplikasi S.M.A.R.T Niaga@Perak yang telah dibangunkan oleh Digital Perak kepada satu platform e-dagang yang lengkap untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Perak. Nityo akan membimbang dan melaksanakan 'onboarding' untuk 200 PKS teratas atau 'Top 200' dari kalangan PKS di dalam S.M.A.R.T Niaga@Perak tanpa kos kepada pihak Kerajaan Negeri serta PKS itu sendiri. Nilai tambah dari pihak Nityo adalah mengintegrasikan S.M.A.R.T Niaga@Perak dengan platform edagang Shopmatic yang dilengkapi kemudahan pembayaran dalam talian dengan pilihan logistik yang lebih banyak.

Penggunaan platform e-dagang Shopmatic yang disediakan oleh pihak Nityo bakal melonjakkan para usahawan ke tahap yang lebih tinggi dan berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa sejajar dengan agenda Perak Sejahtera 2030 di bawah program Flagship Ekonomi Digital. Inisiatif ini mempercepatkan ketersediaan negeri Perak mengadaptasi teknologi yang mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang untuk agensi Kerajaan, pihak swasta dan usahawan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pengguna.

Bermula dengan 200 PKS, kerjasama strategik ini akan perluaskan kelak untuk membantu beribu-ribu PKS melaksanakan transformasi pendigitalan perniagaan mereka dalam agenda ekonomi digital Perak Sejahtera 2030. Mohamad Suhaimi berkata, "Berikutan daripada kejayaan yang telah dicapai melalui inisiatif-inisiatif S.M.A.R.T Niaga@Perak yang telah diterajui oleh Kerajaan Negeri melalui Digital Perak pada tahun 2020 yang lalu, usaha ini bakal membantu para usahawan di bawah direktorat inisiatif ini untuk terus maju ke hadapan menerusi laman mikro e-dagang Perak sendiri serta ekosistem e-dagang yang lebih holistik."

Manakala, YB Encik Mohd Azlan Helmi turut menyokong inisiatif ini kerana ianya merupakan satu penambahbaikan terhadap kesedaran dan manfaat S.M.A.R.T Niaga@Perak di kalangan PKS tempatan bagi promosi dan penjualan produk-produk Perak tanpa sempadan. Ini adalah antara peranan dan tanggungjawab Digital Perak dan rakan strategik Nityo untuk menyumbang merancakkan pembangunan ekonomi digital yang inklusif dan lestari.

Menerusi kolaborasi bersama Hub Inovasi & Multimedia (HiM) Digital Perak dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), latihan bimbingan keusahawanan digital yang relevan akan turut diberikan kepada PKS Perak.

Turut hadir dalam majlis ini adalah pengurusan kanan PKNPK, Digital Perak dan juga Nityo.

